

Pujangga-pujangga Indonesia Kembali ke Rahmatullah

Baharu-baharu ini berturut-turut dua orang pujangga Indonesia yang ulung telah kembali ke rahmatullah setelah meninggalkan khidmat yang cemerlang kepada agama, bangsa dan tanah airnya, mereka itu ialah Abdul Muis dan Parada Harahap.

Pujangga Abdul Muis

Pada subuh Hari Raya Haji (17 Jun 1959) pujangga Abdul Muis telah kembali ke rahmatullah dalam usia 67 tahun dan telah dimakamkan dengan sepenuh-penuh kehormatan secara ketenteraan “di Taman Pahlawan” – Bandung.

Almarhum Abdul Muis telah dikurnia pangkat “Perwira Tinggi” kerana jasanya dalam perjuangan kemerdekaan tanah airnya – Indonesia.

Zahir di Bukit Tinggi – Sumatera pada tahun 1890 dan semasa hayatnya terkenal seorang pendokong cita-cita Islam seperti rakan-rakan seperjuangannya: Haji Omar Said Tjokroaminoto dan Haji Agus Salim. Almarhum telah mewakili Parti Syarikat Islam di “Volksraad” (Dewan Perwakilan Rakyat) dari tahun 1920 hingga 1923.

Dalam dunia kesusasteraan, diantara buah kalamnya yang telah masyhurkan namanya ialah cerita karangannya yang indah “Salah Asuhan”.

Almarhum Parada Harahap

Tidak berapa lama sebelumnya meninggalnya Almarhum Abdul Muis, Indonesia telah kehilangan seorang wartawannya yang ulung: Parada Harahap.

Almarhum telah meninggal pada 11 Mei yang lalu dalam usia 61 tahun setelah meninggalkan khidmat yang berharga dalam dunia persuratkhabaran. Sebuah makalah yang bernas, yang bertajuk “Calon Wartawan” bersendikan pati syarahannya di Perguruan Tinggi Ilmu Kewartawanan dan Politik, Jakarta, ada kami sajikan di muka 27 keluaran ini.

Semasa hayatnya, Almarhum telah memimpin berbagai-bagai akhbar dan majalah tetapi yang memasyhurkan namanya ialah majalah “Bintang Hindia” dan akhbar “Bintang Timur”.

Mudah-mudahan kedua-dua beliau itu dicucuri rahmat oleh Allah ‘azza wa jalla dan dibalas dengan sebaik-baik balasan.